

# Penerbitan e-buku perlahan



» Industri bakal ketinggalan sekiranya penerbit, pengarang gagal saingi kemajuan



Pengalaman interaktif menarik pembaca untuk menikmati pembacaan yang baharu.

berkemungkinan sehingga penghujung tahun ini tidak sampai 1,000 judul penerbitan baharu didaftarkan bagi e-buku.

“Perkembangan ini menunjukkan masih ramai pemain industri buku tidak mengambil inisiatif melakukan anjakan paradigma bagi meluaskan pembaca menerusi kandungan digital,” katanya.

Pada masa sama, Padilah berkata, kebanyakan penulis mungkin tidak mahu buku mereka diterbitkan dalam bentuk digital kerana bimbang harganya jauh lebih rendah berbanding buku bercetak.

“Jika kita tidak bersedia daripada sekarang untuk terbabit dalam dunia digital, industri buku akan mengalami kerugian yang besar.

“Berdasarkan pengalaman DBP, penulis menolak bagi menerbitkan karya dalam bentuk digital kerana harga bukunya akan menjadi lebih murah berbanding dicetak, sekali gus royalti menjadi lebih sedikit,” katanya pada program anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) dengan kerjasama DBP.

Padilah menyarankan, perbincangan antara pengarang dan penerbit perlu dilakukan bagi memastikan keuntungan saksama antara pihak penerbit dengan penulis.

#### Hadkan pengeluaran

Sementara itu, Pengarah Unit Penerbitan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof Dr Asiah Sarji, turut berkongsi masalah industri buku apabila syarikat penerbitan menumpukan perhatian kepada buku bersifat komersil dan menghadkan jumlah pengeluaran kerana tidak mahu menanggung risiko sekiranya tidak laris di pasaran.

“Syarikat kecil menerbitkan buku secara bertahap dengan jumlah pengeluaran yang terhad

untuk memastikan dapat menjaga kos penerbitan.

“Oleh itu, kerajaan disaran membantu syarikat penerbitan kecil umpamanya dengan memberikan dana lebih besar, seperti bantuan diberikan kepada sektor lain dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS),” katanya ketika membentangkan Penerbitan Buku-Buku Ilmiah dalam Bahasa Malaysia: Status dan Arah Perkembangannya.

#### Dana penerbit universiti

Katanya, kerajaan juga perlu memberikan perhatian kepada penerbit universiti dengan

memberikan peruntukan khas dalam memperbanyak penerbitan buku ilmiah dalam bahasa Melayu.

“Kedudukan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu khususnya institut pengajian tinggi awam (IPTA) perlu diberi perhatian, khususnya penerbitan bahan ilmiah dalam bahasa Melayu supaya ia setanding dengan buku dalam bahasa Inggeris,” katanya.

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

Penerbitan buku elektronik atau e-buku masih bergerak perlahan kerana penerbit dan pengarang tanah air belum menunjukkan minat mengikut arus ledakan teknologi maklumat, sebaliknya kekal di takuk lama dengan gaya pasaran konvensional.

Ia dibuktikan menerusi statistik Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bagi bulan Januari hingga Oktober tahun ini yang menunjukkan cuma 735 judul yang dipohon untuk nombor rujukan Standard Data Pengkatalogan Antarabangsa (ISBN) bagi e-buku.

Hal itu disentuh pada Persidangan Buku Antarabangsa sempena Ekspo Buku Malaysia 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pengarah Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Padilah Ali ketika membicarakan Terbitan Elektronik Mengubah Budaya Membaca, berkata perangkaan PNM memabatkan permohonan E-ISBN membebrangsangkan tahun lalu iaitu lebih 1,640 judul buku didaftarkan.

#### Penerbit tidak anjak paradigma

“Bagaimanapun sehingga Oktober lalu, cuma 735 judul didaftarkan E-ISBN, sekali gus



“Perkembangan ini menunjukkan masih ramai pemain industri buku yang tidak mengambil inisiatif untuk melakukan anjakan paradigma bagi meluaskan pembaca menerusi kandungan digital”

Padilah Ali,  
Pengarah Penerbitan,  
Dewan Bahasa dan  
Pustaka (DBP)



Pembaca semakin terdedah dengan teknologi maklumat.